

PROSES KERJA

BIDANG: PERJAWATAN	KOD: JN 4.1		
AKTIVITI: PENGESAHAN DALAM JAWATAN	SUB-AKTIVITI: PENGESAHAN DALAM JAWATAN		
PROSES KERJA	BORANG	UNDANG-UNDANG	JAWATAN
<u>PERKARA-PERKARA PENTING</u>			
<p>Syarat-syarat pengesahan dalam jawatan ialah:</p> <ul style="list-style-type: none"> (a) Telah berkhidmat tidak kurang daripada tiga (3) tahun; (b) Lulus dalam peperiksaan-peperiksaan wajib (jika berkenaan); (c) Diperakui oleh Ketua Jabatan; dan (d) Menyandang jawatan tetap. <hr/> <ol style="list-style-type: none"> 1. Semak senarai kakitangan yang belum disahkan dalam jawatan. 2. Tentukan jika ada kakitangan yang telah memenuhi syarat-syarat pengesahan. <ol style="list-style-type: none"> 2.1 Jika ada yang sudah memenuhi semua syarat, sediakan dokumen-dokumen berikut: <ul style="list-style-type: none"> - Perakuan Pengesahan Dalam Jawatan - Laporan Sulit Tahun bagi tiga (3) tahun dan Laporan Sulit Khas bagi pegawai-pegawai dalam Kategori IV ke atas (Skel A) - Surat pengesahan lulus peperiksaan, jika berkaitan - Opsven untuk memilih pencen atau KWSP, jika dilantik pada atau selepas 12.4.1991. 2.2 Jika belum memenuhi syarat pengesahan dan belum cukup tiga (3) tahun perkhidmatan, failkan dan tamatkan tindakan. 2.3 Jika belum memenuhi syarat pengesahan dan sudah cukup tiga (3) tahun perkhidmatan dan/ atau memerlukan perlanjutan tempoh percubaan: <ol style="list-style-type: none"> 2.3.1 Buat susulan kepada Ketua Jabatan sama ada melanjutkan tempoh percubaan atau sebaliknya: 			

PROSES KERJA	BORANG	UNDANG-UNDANG	JAWATAN
<p>2.3.2 Buat perakuan untuk menamat/ menukar perkhidmatan pegawai.</p> <p>3. Hantar perakuan dan dokumen kepada Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri bagi pegawai dalam Kategori IV ke atas dan kepada Setiausaha Kerajaan Negeri bagi pegawai Kategori V ke bawah.</p> <p>4. Terima keputusan Setiausaha Kerajaan Negeri.</p> <p>4.1 Jika pengesahan diluluskan dan tidak pernah dilanjutkan tempoh percubaan, teruskan ke langkah 5, atau</p> <p>4.2 Jika pengesahan diluluskan dan tempoh percubaan telah dilanjutkan dengan denda, beritahu Akauntan Negeri dan teruskan ke langkah 5.</p> <p>4.3 Jika pengesahan tidak diluluskan dan tempoh percubaan tidak melebihi tiga (3) tahun, beritahu pegawai dan tamatkan tindakan.</p> <p>4.4 Jika pengesahan tidak diluluskan dan tempoh percubaan telah melebihi tiga (3) tahun dan masih memerlukan perlanjutan tempoh percubaan, balik ke langkah 2.3.</p> <p>4.5 Jika pengesahan tidak diluluskan dan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam / Setiausaha Kerajaan Negeri bersetuju dengan perakuan di langkah 2.3.2, uruskan penamatian / pertukaran perkhidmatan.</p> <p>5. Beritahu pegawai.</p> <p>6. Sekiranya kenaikan gaji ditahan, dihenti atau ditangguh, beritahu Akauntan Negeri.</p> <p>7. Beritahu Pusat Rekod Kakitangan, JPA, Kuala Lumpur.</p> <p>8. Rekod dalam fail /Buku Rekod Perkhidmatan.</p> <p>9. Tamat.</p>	CMO 14 Kew.8	T.156A PR.JPA.2 Kew.8	

JN 4.1 PENGESAHAN DALAM JAWATAN

